



OPERASI ZB

No. Pekeliling 001/2021

22 JANUARI 2021

“GATE PASS” BAGI URUSAN KELUAR MASUK DI PKFZ

1.0: Gate Pass Bagi Urusan Masuk/Keluar di PKFZ

Bermula 1 Februari 2020, semua pergerakan masuk/keluar pengangkutan dagangan dan komersial di pintu get masuk/keluar utama (G1) dan sampingan (G2/CT8) Port Klang Free Zone perlu disertakan dengan Gate Pass PKFZ. Syarat keperluan ini merangkumi pengangkutan, pembekalan dan perkhidmatan yang didaftarkan melalui sistem *e-Customs Administration Form (eCAF)*.

Perubahan untuk merangkumi pergerakan bukan dagangan, ini adalah selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) e-CAF yang ditetapkan oleh pihak Kastam untuk memastikan semua butiran pergerakan komersial (bukan dagangan) yang melalui pintu masuk/keluar Zon Bebas utama (G1) juga direkodkan.

2.0: Prosedur Operasi Gate Pass

1. Permohonan untuk Gate Pass boleh dibuat melalui atas talian oleh Operator Gudang, Operator Perusahaan atau Ejen Penghantaran yang berdaftar di dalam sistem PIMS.
2. Pengguna hendaklah menyerahkan salinan Gate Pass yang telah dijana dari sistem PIMS kepada syarikat pengangkutan atau pemandu kenderaan yang akan melalui pintu get masuk/keluar PKFZ.
3. Syarikat pengangkutan atau pemandu perlu mengemaskini butiran pemandu dan no. pendaftaran kenderaan sebelum masuk atau keluar dari zon bebas. Proses ini boleh dijalankan secara atas talian dengan mengimbas *QUICK RESPONSE CODE (QR CODE)* melalui telefon bimbit.

4. Semua pemandu kenderaan dagangan atau komersial perlu mengemukakan Gate Pass PKFZ semasa tiba di pintu get masuk/keluar sebelum dibenarkan masuk ke dalam zon bebas.
5. Pemandu kenderaan dagangan digalakkan untuk memohon "Tenant Pass PKFZ" supaya pergerakan lebih lancar.
6. Kenderaan/pemandu dagangan yang gagal mengemukakan Gate Pass PKFZ dan Tenant Pass/pas pelawat PKFZ tidak akan dibenarkan masuk ke dalam zon bebas.

3.0: Bayaran Caj untuk Gate Pass

Pemohon akan dikenakan caj bayaran mengikut kadar caj sedia ada. Kesemua caj ini akan dikenakan terus kepada pengguna oleh pihak DagangNet melalui sistem PIMS.

Kadar caj adalah seperti berikut:

- a) Gate Pass yang dijana untuk Borang Kastam (K1, K2 dan K8) – RM5 per gate pass
- b) Gate Pass yang dijana untuk e-CAF yang diluluskan – RM5 per gate pass
- c) Gate Pass untuk pergerakan kontena kosong yang keluar masuk gate utama PKFZ (G1) dan gate CT8 (Gate 2) – RM2 per gate pass

Kerjasama daripada semua penyewa, syarikat logistik dan syarikat pengangkutan adalah amat dihargai bagi melancarkan pergerakan kenderaan dagangan di pintu get masuk/keluar PKFZ.

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara di atas sila hubungi Pegawai Zon Bebas seperti berikut:

1. Puan Ng Ching Hiang, 012-3961406 (ngch@pkfz.com)
2. Encik Abdul Sharil Shariff, 019-2792104 (sharil@pkfz.com)
3. Puan Noor Fareeza Mohd Jajuli, 013-4670277 (fareeza@pkfz.com)
4. Cik Nor Atihah Ishak, 012-2437258 (atihah@pkfz.com)

Pengurusan PKFZ

22 Januari 2021